

# SKTM NADI PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI

Sejak penubuhan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat pada tahun 1996, sekolah ini terus berkembang sehingga menjadi salah satu entiti besar di Universiti Malaysia Sabah. Sekolah ini terus berkembang pesat dan telah membangunkan pelbagai aktiviti penyelidikan yang relevan dengan kehendak pasaran ke arah memenuhi keperluan negara khususnya kepada masyarakat di Negeri Sabah. Lima teras kluster pembangunan penyelidikan dan pembangunan sumber manusia telah digariskan iaitu bidang Kejuruteraan Minyak dan Gas, Kejuruteraan Teknologi Hijau, Kejuruteraan Bio, Kejuruteraan Marin serta bidang Teknologi Maklumat (ICT) dan keselamatan.

Melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan, SKTM telah memenangi pelbagai anugerah melalui penglibatan dalam pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara kejayaan yang telah dikecapi termasuklah memenangi pingat emas dalam Seoul International Invention Fair (SIIF) dimana SKTM telah merangkul tiga pingat emas, satu perak dan satu gangsa. Begitu juga dalam 21st International Invention, Innovation & Technical Exhibition (ITEX 2010) penyelidik di sekolah ini turut menyumbang satu pingat emas dan dua perak kepada universiti. Kejayaan tersebut sekaligus menjulang imej UMS di peringkat antarabangsa.

Pelajar SKTM juga mencatatkan beberapa pencapaian yang cemerlang yang turut memberi kebanggaan kepada UMS. Pencapaian paling manis adalah kejayaan di saat kejayaan pasukan SKTM menjuarai pertandingan National Freescale Car Competition 2010 yang menewaskan 26 pasukan dari IPTA dan IPTS seluruh Negara. Begitu juga kejayaan pelajar SKTM merangkul naib juara dalam Pertandingan Asian Universities Build & Break Competition 2010 dengan mengalahkan 55 pasukan dari IPTA dan IPTS seantero.

Selain pencapaian yang memberangsang di peringkat para penyelidik dan pelajar, sekolah ini turut menyediakan pelbagai kemudahan dan prasaranan yang lengkap. Bertunjangkan pemacuan ke arah kecemerlangan, pada tahun 2010, Perpustakaan Multimedia telah ditubuhkan yakni satu-satunya perpustakaan seumpama itu yang diwujudkan di peringkat

sekolah-sekolah yang ada di UMS. Sepanjang setahun penubuhannya sahaja, telah menunjukkan sejumlah 3677 pengunjung yang telah berjaya direkodkan. Manakala sejumlah 860 buah buku dalam bidang kejuruteraan dan Teknologi Maklumat disediakan termasuk kemudahan sembilan terminal komputer berinternet untuk kegunaan bersama para pelajar.

Tarikh 29 Julai 2011 turut menyaksikan satu lagi sejarah terukir buat sekolah ini apabila secara rasminya Program Sarjana baharu iaitu Program Sarjana Kejuruteraan Minyak dan Gas secara kerja kursus telah dilancarkan untuk memenuhi keperluan pasaran semasa sumber manusia dalam bidang gas dan minyak. Ia selaras dengan keperluan tenaga pakar dan modal insan apatah lagi dengan penemuan-penemuan simpanan minyak yang banyak di sekitar Sabah termasuk penemuan minyak terkini di Wakid 1 iaitu 100km dari Kota Kinabalu.

Peningkatan terhadap kemasukan pelajar ke sekolah ini sememangnya tidak dinafikan berikutan prospek kerjaya pelajar-pelajar kejuruteraan dan teknologi maklumat alah sangat cerah. Soal selidik selepas enam bulan bergraduat menunjukkan 90% graduan telah mendapat pekerjaan. Ini antara lain disebabkan program-program yang ditawarkan telah melepasi piawaian antarabangsa dan turut mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia yang berlandaskan piawaian antarabangsa Washington Accord. Di antara jenis kerjaya yang boleh diceburi adalah dalam bidang konsultasi kejuruteraan, pengurusan teknikal kejuruteraan, pengajaran teknikal kejuruteraan, pengamal Teknologi Maklumat dan lain-lain lagi.

Pada tahun ini, sempena Majlis Konvokeysyen UMS ke-13, seramai 404 bakal graduan SKTM akan berdiri gagah di atas pentas konvokeysyen untuk menerima skrol Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing untuk bergelar sebagai graduan dan alumni UMS. Semoga para graduan akan terus cemerlang dalam menabur jasa dan bakti kepada nusa dan bangsa demi kesejahteraan negara. Syabas dan Tahniah kepada graduan SKTM!

